

# PM mahu Perbendaharaan jadi peneraju buat keputusan cepat

Oleh ROZAMAN ISMAIL

**PUTRAJAYA** 14 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Perbendaharaan Malaysia menjadi peneraju dan ikutan kepada kementerian atau jabatan lain dalam membuat keputusan yang cepat dan tidak tertanggung-tanggung.

Beliau berkata, sebarang kelewatan yang berlaku di Perbendaharaan akan memberi kesan kepada jabatan atau kementerian lain dan ia sudah tentunya menyusahkan banyak pihak terutama orang ramai.

Kata beliau, sebagai agensi peneraju dalam perkara-perkara seperti mendapatkan keputusan, komen serta peruntukan Perbendaharaan perlu memastikan sistem penyampaiannya lancar dan memenuhi kehendak rakyat sebagai pelanggan.

“Jangan pula berlaku kelewatan. Jika kita lewat yang lain akan lewat. Kelewatan ini pula jika berpanjangan, akhirnya menyusahkan rakyat juga.

“Sebagai agensi penting, perkara ini harus diberi keutamaan,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbendaharaan Tahun 2005 dan Penyampaian Sijil Persaraan 2006 di sini hari ini.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, setiap warga Perbendaharaan perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kementerian berkenaan tidak menjadi tempat atau punca segala kelewatan projek pembangunan.

“Kita tidak mahu ada persepsi atau andaian bahawa bila berlaku kelewatan atau tersangkut puncanya di Perbendaharaan.

“Jadi segala yang datang ke sini perlu diberi perhatian secepat mungkin dan ke-

Um - 15/12/2006.

**Setiap warga Perbendaharaan perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kementerian berkenaan tidak menjadi tempat atau punca segala kelewatan projek pembangunan**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

putusan pula hendaklah diberikan secepat mungkin,” tegasnya.

Menurut Abdullah, keputusan yang cepat akan meningkatkan lagi kepantasan kerja di kementerian atau jabatan lain kerana sudah tidak ada lagi perkara yang tersangkut atau menjadi lewat di Perbendaharaan.

Perdana Menteri berkata, tindakan ini juga akan dapat membantu menyelesaikan masalah di kementerian lain terutama ketika mereka sangat memerlukan sesuatu

keputusan daripada Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan.

Kata beliau, kecemerlangan dalam pekerjaan akan membawa kebaikan kepada perkhidmatan awam sekaligus menyerlahkan lagi imej perkhidmatan itu kerana diiktiraf oleh rakyat.

Pada majlis berkenaan seramai 133 kakitangan menerima anugerah khidmat cemerlang manakala 30 lagi menerima sijil persaraan wajib dan 11 bersara secara pilihan.